



TAYAR lama diubah suai menjadi pasu berbentuk burung.



KANAK-KANAK menunjukkan tanda bagus selepas selesai menghias kawasan mereka.



BASIKAL terpakai masih boleh digunakan sebagai bahan hiasan meletakkan pokok.

Komuniti Bandar Behrang 2020 ceriakan kawasan penempatan

RONA alam



PELAJAR SK Bandar Behrang 2020 tidak ketinggalan menyertai pertandingan gotong-royong anjuran penduduk Bandar Behrang, Tanjung Malim, Perak.

KIRA-KIRA 200 orang penduduk komuniti Bandar Behrang 2020, Tanjung Malim, Perak mengambil bahagian dalam program gotong-royong membersihkan kawasan setempat mereka sejak awal tahun ini.

Selain penduduk, program berkenaan turut melibatkan pelajar Sekolah Bandar Behrang 2020.

Isa sudah menjadi peranan bagi setiap komuniti untuk menceriakan kawasan penempatan agar bertambah bersih, ceria serta bebas penyakit. Terdapat banyak manfaat dengan melakukan amalan gotong-royong.

Bek kata pepatah Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Demikian juga tentang kerja gotong-royong. Semua orang mengetahui bahawa sesuatu kerja yang besar dapat diringankan atau menjimatkan belanja jika dilakukan bersama-sama. Itulah kelebihan bergotong-royong.

Atas dasar itu, komuniti Bandar Behrang 2020 mengambil langkah proaktif dengan mengadakan

pertandingan menceriakan kawasan penempatan mereka. Pertandingan tersebut mengangkat tema bahan terbuang sebagai panduan bagi mengurangkan lambakan bahan lama dan tidak digunakan, namun boleh memberi manfaat lain.

Aktiviti yang dimulakan pada awal tahun ini hingga November lalu memberi kebebasan kepada penduduk untuk menghias penempatan mereka mengikut kelapangan masing-masing. Namun, ramai yang memilih untuk melakukannya sebagai aktiviti pada hujung minggu bersama anak-anak dan jiran tetangga.

Kreativiti


Setiap kawasan yang perlu dihias dibahagikan mengikut zon masing-masing. Antara zon yang terlibat ialah Zon Bunga Raya, Zon Teratai, Zon Cempaka, Zon Orkid, Zon Melati dan Zon Lavender.

Di setiap zon, mereka bebas menghasilkan apa juga rekaan menerusi idea dan kreativiti masing-masing. Antara contoh bahan terpakai yang digunakan semula ialah tayar lama, pasu, basikal terpakai, besen air serta botol plastik dan kaca.

Menerusi bantuan kanak-kanak yang tinggal di kawasan berkenaan serta pelajar sekolah, mereka melakukan pengubahsuaian pada tayar terpakai dengan menukarnya kepada pasu berbentuk burung.

Tayar itu dipotong supaya kelihatan seperti seekor burung, kemudian dicat dengan warna-warna terang sebelum ditanamkan tanah dan tanaman pokok. Ia kemudian digantung supaya bentuk burung tadi kelihatan dengan lebih jelas.

Ternyata idea berkenaan sangat kreatif dan mendatangkan manfaat besar, lebih-lebih lagi memang banyak tayar terpakai yang tidak digunakan, dibiarkan begitu sahaja.



CONTOH idea dan kreativiti yang dihasilkan oleh komuniti Bandar Behrang 2020.

Idea kreatif itu jalankan dengan usaha sama ibu bapa termasuk Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Behrang 2020, Kamarul Baharin.

Menurut Kamarul, program itu juga merupakan inisiatif bersama My Beautiful Neighbourhood di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Penduduk setempat, terutamanya wanita dan kanak-kanak amat rajin untuk turut serta menyayakan program ini. Mereka tidak kisah mengorbankan waktu hujung minggu demi menceriakan kawasan perumahan.

"Saya kira usaha mereka ini patut dicontohi oleh komuniti-komuniti lain supaya kawasan penempatan bukan sahaja bersih, cantik dan menarik untuk didiami tetapi bebas daripada penyakit bahaya seperti demam denggi," ujarnya.

Tambah Kamarul, sandingan antara organisasi tempatan, masyarakat dan pelajar sekolah juga harus dipuji kerana bukan mudah untuk sesetengah individu melibatkan diri secara

sukarela dalam aktiviti gotong-royong. Pada penilaian akhir pertandingan berkenaan, johan telah dimenangi Zon Teratai, Zon Melati (naib johan) dan Zon Orkid (tempat ketiga). Mereka menerima plak, duit serta hamper.



KANAK-KANAK ini tidak kisah mengorbankan hari minggu mereka dengan menghias kawasan penempatan supaya lebih bersih dan ceria.



KAWASAN yang bersih dan cantik bukan sahaja dapat menceriakan penempatan tetapi mengatakkan penyakit berbahaya seperti denggi.



TONG kitar semula turut diletakkan sebagai panduan mengasingkan sampah mengikut kategori.